

Mahu jadi wanita normal

Siswi tertarik pada kaum sejenis takut terjebak perbuatan terkutuk

Soalan

SAYA remaja perempuan di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan dan mengalami pergolakan perasaan sejak tahun lima. Dulu minat saya kepada kaum sejenis sangat tinggi dan apabila di tahun enam, ada sedikit perasaan terhadap lelaki. Malangnya, ketika berutus surat cinta, ustazah dapat mengesan dan dia menghina dan memberi kritikan terhadap saya. Sejak itu saya menutup hati kepada lelaki. Mungkin juga keturunan berbadan sasa selain seorang atlet bola keranjang yang mempunyai ketinggian enam kaki, saya tidak meminati lelaki, tetapi jantung berdebar apabila melihat perempuan. Perkara ini berlanjutan hingga semester enam dan ketika itu saya meminati seorang junior. Saya berusaha mendampinginya dan kami sering berbalas mesej. Saya dapat tahu dia sudah mempunya tapi

tetap tidak berputus asa. Saya memberitahunya saya sayangnya seperti seorang adik, kemudian dia meluahkan rasa hati dia turut menyayangi saya. Kini, saya ingin sangat berubah dan tahu perhubungan songsang ini dosa besar yang dilaknat Allah. Saya mahu berubah tapi sangat menyayanginya. Saya tidak mahu dia terjebak sama dengan gejala berdosa besar ini. Hati saya berbelah bahagi kerana bimbang melakukan perbuatan terkutuk. Setakat ini saya tidak terangsang dengannya cuma sangat menyayanginya. Saya mahu menjadi ikon yang boleh dijadikan contoh terbaik dan mahu mengubah cara hidup dia ke arah lebih baik. Adakah ini dinamakan lesbian? Saya berulang kali menolak dakwaan itu tapi kadangkala buntu sebab memang tiada perasaan terhadap lelaki. Bagaimanakah caranya un-

tuk saya melupakan dia? Perlukah saya meninggalkannya kerana dia sangat sayangkan saya sebagai kakak?

Gadis Keliru Klang

Jawapan

DR memahami kekeliruan orientasi seksualiti adik. Untuk benar-benar mengenal pasti sama ada adik lesbian atau tidak bukan mudah. Ia kompleks dan proses ini akan mengambil masa. Tiada seorang pun yang boleh memberi jawapan tepat kecuali perasaan hati sebenar adik. Selain itu, adik boleh cuba menjawab beberapa soalan untuk menyemak sama ada kecenderungan lebih kepada lelaki atau perempuan. Dalam laman web <http://www.wikihow.com/Figure-Out-Whether-or-Not-You-Are-a-Lesbian> ada beberapa soalan dikedepan untuk menguji orientasi seksual seseorang.

Antara soalan yang ditanya ialah sekiranya anda seorang perempuan, adakah anda mempunyai imaginasi yang kuat untuk bersama-sama dengan perempuan lain? Seterusnya, apabila anda mendengar lagu cinta, adakah fikiran anda lebih kepada orang lelaki atau perempuan? Soalan lain ditanya ialah jika anda diberi pilihan untuk menghabiskan masa bersama, adakah ia dengan seorang lelaki atau perempuan? Banyak lagi soalan yang boleh menguji orientasi seksualiti seseorang. Bagaimanapun, jika adik benar-benar keliru berjumpa dengan ahli terapi atau doktor yang benar-benar mahir dalam bidang ini. Apabila menyatakan adik tidak terangsang dengan junior terbabit, ia adalah antara ciri yang menunjukkan seksualiti adik tidak terarah kepada mengadakan hubungan yang lebih intim dengan wanita. Bagaimana-

pun, ini tidak bermakna adik tidak meminati perempuan. Perhubungan yang intim boleh mewujudkan rasa sayang berlebihan. Seterusnya boleh membawa kepada keinginan mengadakan hubungan seksual, jika tidak dapat dikawal. Masalah selain lesbian ialah berkaitan perhubungan. Apabila tidak selesa berkawan dengan lelaki, adik memilih berhubungan dengan wanita. Pengalaman pahit dihina ustazah menyebabkan adik lebih selesa berkawan dengan perempuan. Kebetulan adik menemui seorang perempuan yang turut membalas perasaan sayang. Hubungan sayang boleh berlaku sesama insan tanpa mengira jantina. Pengalaman pahit dihina ustazah memberi kesan negatif dalam hidup. Dr memahami kesan itu hingga ia hampir menutup hati adik kepada lelaki. Namun, berdasarkan

perasaan ketakutan adik memang tiada perasaan pada lelaki, ini jelas menunjukkan adik mempunyai kesedaran untuk mengakui perlunya kehadiran lelaki dalam hidup. Hubungan lesbian berdosa dari segi agama. Adik pun menyedari perkara ini dan mahu berubah, justeru perlu mengelak terjebak ke kancang itu. Justeru, berusaha jangan terbabit dengan hubungan songsang. Jika ingin meninggalkan junior adik itu, lakukan dengan baik supaya dia tiada prasangka buruk dan memahami keputusan itu. Memang melukakan untuk dua orang yang saling menyayangi berpisah. Jika tidak boleh melupakannya, adik boleh terus menyayanginya, namun elak menjerus kepada hubungan songsang. Sayang adalah ketulusan seorang insan kepada insan lain. Pada masa sama, usahakan membuka hati untuk menerima kehadiran lelaki dalam hidup adik.

Tersepit antara ibu dengan suami

Soalan

SAYA masih muda tapi sudah berumah tangga. Baru-baru ini saya mendapat tawaran belajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Suami memberi keizinan, tetapi ibu sebaliknya kerana tidak percaya dengan kemampuan suami. Saya tetap mahu meneruskan pengajian itu kerana itulah impian selama ini. Adakah berdosa saya tidak mendengar kata-kata ibu walaupun kini saya di bawah jagaan suami? Adakah saya akan berjaya kelak. Bantulah saya.

Mengharap Perlis

membenarkannya kerana takut suami tidak berupaya menyara keluarga sepanjang tempoh adik belajar. Kerisauan ibu itu ada rasionalnya. Sebagai seorang ibu, tentu dia ingin melihat anaknya tidak mengalami kesusahan. Isunya ialah rasa tidak percaya ibu terhadap kemampuan suami menyara keluarga sepanjang adik belajar. Justeru, cari jalan untuk mengurangkan kebimbangan ibu adik. Tingkatkan kepercayaan ibu, walaupun adik belajar ia tidak akan menyebabkan suami lupa tanggungjawabnya. Bincang dengan suami perancangan yang akan dilakukan. Ini termasuk masa yang diperuntukkan, sokongan moral, pengorbanan dan kewangan sepanjang adik melanjutkan pelajaran. Memang bukanlah sesuatu



BERJAYA...melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi antara kejayaan dalam hidup. - Gambar hiasan.

yang mudah untuk melayari kehidupan berumah tangga apabila salah seorang pasangan melanjutkan pelajaran. Namun, jika tidak berusaha, tentu tidak akan berjaya. Seorang isteri perlu taat kepada suami kerana wujudnya ikatan pernikahan. Bagaimanapun, tanggungjawab itu bukanlah mutlak tanpa batas sempadan. Antara syarat yang mewajibkan isteri mentaati suami ialah suami juga perlu menjalankan sepenuhnya tanggungjawabnya terhadap isteri. Segala hak dan tanggungjawab saling bertimbang balik. Hak isteri adalah tanggungjawab suami. Sementara hak suami pula adalah tanggungjawab isteri. Sama ada adik akan berjaya atau tidak, banyak bergantung pada kesungguhan dan usaha gigih serta sokongan kuat suami dan ibu bapa.

Jawapan
DR gembira adik masih minat melanjutkan pelajaran walaupun sudah berumah tangga. Menuntut ilmu memang digalakkan. Permasalahan timbul apabila ibu tidak